

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
[DAP]**

**TARIKH : 19.10.2016(RABU)**

**NO. SOALAN : 23**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH**

menyatakan berapakah jumlah bilangan rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah dibina untuk penerima rakyat Orang Asli setiap tahun mengikut negeri dari tahun 2008 hingga sekarang dan jumlah perbelanjaan yang terlibat

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebanyak 10,161 buah rumah telah dibina untuk penerima Orang Asli bagi tempoh 8 tahun (2008 -2016) dengan kos keseluruhan sebanyak RM249.11 juta. Perincian jumlah rumah dan perbelanjaan yang terlibat dalam menyediakan rumah kepada penerima Orang Asli ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	TAHUN 2008 - 2016	
	UNIT	RM(JUTA)
Pahang	3,214	79.8
Perak/Kedah	2,566	68.6
Selangor	1,029	21.54
Kelantan	1,419	31.93
Johor	857	20.98
N.Sembilan/Melaka	1,076	26.26
<b>JUMLAH</b>	<b>10,161</b>	<b>249.11</b>